

SOALAN NO. 381

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
(RANTAU PANJANG)**

TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan usaha untuk mengatasi kelemahan pengurusan dalam mengendalikan bantuan segera kepada penerima yang layak serta statistiknya di seluruh negara dari tahun 2008 hingga 2014.

JAWAPAN:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap keperluan bantuan segera oleh golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menambah baik dan proses kelulusan bantuan agar bantuan dapat disalurkan dengan segera.

Antara penambahbaikan yang dilaksanakan ialah transformasi terhadap prosedur kerja bagi penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan bulanan melaui kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) atau *Business Process Reengineering (BPR)*. Pelaksanaan proses dan prosedur kerja yang baru ini berupaya mempercepatkan proses penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan di mana tempoh kelulusan dan pemberian bantuan kebajikan telah dipendekkan dari 2 bulan kepada 1 minggu untuk kes-kes yang *clear cut* seperti OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap yang mana lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta-merta.

Selain itu, mulai bulan Jun 2011, kuasa meluluskan bantuan bulanan persekutuan bagi kes-kes baru dan kelulusan kaji semula telah diturunkan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41 kepada Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S27 ke atas yang dilantik.

Berdasarkan statistik JKM, bilangan kes penerima bantuan dan jumlah peruntukan yang disalurkan dari tahun 2008 hingga 2014 (hingga Mei) di seluruh negara adalah seperti berikut :

TAHUN	BIL.KES	JUMLAH (RM)
2008	221,602	371,241,940
2009	353,889	758,801,563
2010	424,526	1,195,454,944
2011	473,928	1,352,739,117
2012	514,066	1,472,064,853
2013	493,076	1,542,313,172
2014 (hingga Mei)	459,327	617,606,283